

16 SEP 2003

Mahathir-Muslim/I

UMAT ISLAM BERLU TIMBA ILMU UNTUK CAPAI KEJAYAAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Umat Islam di seluruh dunia tidak seharusnya terlampau taksud menimba ilmu mengenai Islam tetapi harus mulai berusaha mendapatkan pengetahuan yang berguna dalam semua disiplin, terutama dalam bidang sains dan teknologi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata menguasai pengetahuan mengenai agama sahaja tidak mencukupi untuk melawan balik kekerasan keatas Muslim memandangkan penguasaan ilmu itu tidak boleh digunakan untuk mempertahankan diri.

"Umat Islam harus bersedia untuk mempertahankan diri, jelas bahawa kita tidak bersedia pada masa ini kerana kita tidak mempunyai pengetahuan untuk menentang musuh," katanya semasa berucap menutup Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda Umat Islam di sini.

Perdana Menteri berkata ekoran serangan keatas Iraq, ramai umat Islam di seluruh dunia berdoa kepada campurtangan "divine" untuk menghentikan serangan itu, tetapi Amerika teruskan juga hasrat mereka menyerang Iraq dan memperolehi kejayaan.

"Sesetengah kita merasakan tuhan tidak memakbulkan doa kita, tapi ini tidak benar, kita tewaskan diri kita sendiri. Islam menyeru kita supaya sentiasa bersedia untuk mempertahankan diri. Dalam soal Iraq, jelas bahawa umat Islam tidak bersedia untuk semua ini," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam sehingga kini percaya bahawa mereka boleh mempertahankan diri dengan hanya menggunakan kuda dan lembing berbanding dengan senjata automatik yang digunakan oleh musuh, melupakan bahawa hanya jet pejuang dan senjata canggih yang mampu menahan serangan sebegitu.

"Kita perlukan senjata untuk menanam rasa takut di kalangan musuh kita. Sesetengah kita membeli senjata yang dijual oleh musuh dan sudah pasti mereka tidak memberikan kita senjata terhebat, tetapi yang sudah ketinggalan. Dan apabila anda mempunyai senjata yang kurang hebat, anda tidak dapat memenuhi kehendak agama iaitu untuk mempertahankan ummah," katanya.

Beliau berkata ini adalah akibat kepada penumpuan yang berlebihan kepada belajar agama daripada lain-lain disiplin yang boleh membantu meningkatkan status dan harga diri umat Islam.

Dr Mahathir berkata umat Islam di seluruh dunia meminggirkan usaha menimba ilmu mengenai lain-lain disiplin disebabkan oleh salah tafsir Islam oleh sesetengah kalangan mereka yang mengajar "belajar mengenai Islam dan bukan yang lain-lain lagi".

"Islam menyuruh kita belajar dan menimba ilmu. Umat Islam awal memperolehi ilmu dan mengembangkannya... mereka adalah ulama yang baik, terutama dalam bidang sains dan teknologi," katanya.

Beliau berkata sesetengah golongan menafsir bahawa Islam menetapkan yang ilmu pengetahuan yang diperolehi oleh umat Islam seharusnya berkisar kepada aspek pengetahuan mengenai agama dan hukum-hukumnya, dan ini membuatkan umat Islam kurang menyerlah dalam pelbagai bidang lain yang dahulunya pernah dikuasai.

Beliau berkata Islam bukan hanya sekadar agama, tetapi juga adalah cara hidup, tetapi "adakah sekarang kita akan katakan bahawa cara umat Islam adalah hidup dalam sengsara, diperas dan merayu, saya rasa tidak".

Beliau berkata umat Islam sekarang gagal mematuhi ajaran sebenar Islam

sehingga keperingkat apabila agama dianggap sebagai agama penganas.

"Tidak ada apa yang salah mengenai agama, tapi yang salah adalah tafsiran dan ini datangnya daripada manusia. Inilah kesilapan kita," katanya.

Beliau berkata umat Islam kini perlu mengatur strategi dan melancarkan gerakan bagi membolehkan umat Islam memperolehi kekuatan yang setaraf dengan musuh.

"Tidak ada keajaiban dalam kelebihan mereka berbanding kita. Kita perlu mencapai pengetahuan yang mereka miliki untuk melawan mereka dengan cara yang bijak. Mulanya ia memang sukar, tapi kita harus bersabar. Berikan masa, dan kita akan menjadi kuat serta dapat menewaskan musuh sekiranya kita mempunyai pengetahuan untuk berbuat demikian," katanya.

Perdana Menteri berkata satu lagi sebab mengapa dunia umat Islam tidak mampu melawan balik kekerasan keatasnya adalah kerana umat Islam dibahagikan kepada banyak mazhab dan ajaran.

"Kita menentang sesama sendiri. Tuduh sesama sendiri sebagai tidak Islam. Tapi siapa sebenarnya kita yang ingin menegur umat Islam yang lain sebagai bukan Islam yang sebenarnya. Agama, yang sepatutnya menyatukan manusia, sebaliknya digunakan untuk menentang sesama sendiri. Pecah belah ini adalah disebabkan oleh tafsiran manusia," katanya.

Dr Mahathir berkata untuk menjadi kuat, umat Islam perlu kembali kepada asas ajaran Islam dan percaya bahawa semua umat Islam adalah bersaudara.

Dalam sidang media selepas itu, Dr Mahathir berkata umat Islam seharusnya berhenti menunding jari apabila tiba kepada soal menyelesaikan masalah yang membabitkan ummah.

"Kita tidak boleh menyalahkan orang lain keatas kesilapan kita. Kita perlu melakukannya dan tidak menyalahkan orang lain. Ini penting, hentikan tunding jari dan buat sendiri sesuatu perkara itu," katanya.

-- BERNAMA

SR JM AZH